

## MEMODENKAN PETIKAN PROSA KLASIK

Memodenkan petikan prosa klasik bermakna memindah atau menukar bahasa klasik atau lama menjadi bahasa Melayu baru atau moden. Biasanya, petikan yang dipindahkan atau dimodenkan itu diambil atau dipetik daripada satu atau beberapa perenggan sesebuah hikayat yang khusus menampilkan bahasa klasik, kuno ataupun lama.

### TEKNIK MEMODENKAN PETIKAN PROSA KLASIK

- **Membaca dan memahami petikan**

1. Baca keseluruhan petikan sehingga faham.
2. Berikan tumpuan terhadap **persoalan atau isu utama** dalam petikan.
3. Buat beberapa catatan tentang *watak-watak, latar tempat dan peristiwa-peristiwa* yang berlaku dalam petikan.

- **Menganalisis dan menulis serta memindahkan petikan prosa klasik menjadi petikan prosa moden**

1. Pelajar perlu ingat bahawa jawapan yang ditulis mestilah dalam **bahasa Melayu moden**.
2. **Gariskan** perkataan-perkataan **bahasa klasik** yang dapat ditukarkan.
3. **Jangan pindahkan secara ayat demi ayat**. Sebaliknya, fahamkan maksud keseluruhan petikan dan ceritakan semula.
4. **Jangan menokok tambah** dengan butir-butir atau fakta-fakta yang tidak terdapat dalam petikan.
5. Nama-nama khas seperti nama watak, tempat dan peralatan **tidak boleh ditukar**. (**mestilah dikekalkan**)
6. Kata “**pun**” dan “**lah**” hendaklah **ditinggalkan**. Contoh:  
Bahasa klasik: *maka seketika itu pun berputeralah tuan puteri itu seorang anak lelaki.*  
Bahasa moden: ***Selepas itu, Tuan Puteri melahirkan seorang anak lelaki.***
7. **Elakkan** menggunakan perkataan-perkataan lama seperti *arakian, hatta, sebermula, alkisah, syahdan, sekali sepertua* dan lain-lain serta perkataan-perkataan yang tidak lagi digunakan sekarang. **Perkataan klasik** yang ada dalam petikan tersebut, **perluah ditukarkan kepada bahasa moden**. Ini penting kerana jika anda mengekalkan perkataan klasik tersebut, markahkan dipotong kerana tidak menepati arahan soalan.

8. Bahasa Istana **tidak perlu** diganti dengan perkataan lain atau perkataan yang seerti dengannya.
9. Ayat-ayat panjang, berbelit-belit dan tidak jelas hendaklah **dipecahkan kepada beberapa ayat** supaya pendek dan jelas maksudnya.

Contoh:

*Maka Sultan Melaka pun hairan melihat paras puteri Cina itu, disuruhnya masuk Islam, telah sudah maka baginda pun berkahwinlah dengan puteri itu, beranak Paduka Seri Cina, ayah kepada Paduka Isap."*

**Jawapan:**

*"Sultan Melaka takjub apabila melihat kecantikan Tuan Puteri Cina itu. Baginda lalu menitahkan supaya Tuan Puteri itu memeluk agama Islam. Selepas itu, baginda berkahwin dengan puteri itu dan mendapat seorang putera bernama Paduka Seri Cina yang menjadi ayah kepada Paduka Isap."*

10. **Tukarkan** struktur ayat pasif menjadi struktur **ayat aktif**.

Bahasa klasik: *maka oleh Hang Tuah **dipalang** kepada dua orang yang mengamuk itu terbelah dua.*

Bahasa moden: *lalu Hang Tuah **memarang** dua orang yang mengamuk itu dan terbelah dua.*

11. **Tukarkan** ayat-ayat songsang kepada **ayat biasa**.

Contoh:

Ayat songsang : *"Hendaklah diperliharakan kamu sekalian dan dia"*

Ayat biasa : *"**Kamu sekalian hendaklah memeliharanya**"*

12. Perbualan atau Cakap Ajuk yang terdapat dalam petikan (*jika ada **mestilah ditulis dalam perenggan baru** atau boleh juga ditukarkan menjadi **ayat Cakap Pindah** yang telah dimodenkan, tetapi ditulis dalam satu perenggan sahaja.*)

## **Teks klasik 1**

Dengan tiada berapa lamanya samapailah mereka itu ke negeri Daha itu. Maka Raden Inu segan masuk lalu menanti di luar istana. Maka disuruhnya Jerude dan Kartala masuk bersama-sama dengan Mahadewi akan menghadap Kebawah Duli Sang Ratu Daha itu.

Maka tatkala dilihat oleh Sang Ratu akan Mahadewi datang dengan balut matanya, sungguhpun selama ia pergi tiada dikenangnya, akan tetapi pada masa bertemu itu timbullah belas dan kasihan di dalam hatinya serta teringatlah ia pada isterinya yang sudah meninggal diracuni itu. Lagi pula baharulah ia tersedar akan dirinya dan baharulah diketahuinya akan segala kejahatan Paduka Liku itu kerana pada masa itu rupa-rupanya segala hikmat dan ubat-ubatan Paduka Liku itu telah hilang kemanjurannya.

### **Senaraikan nama-nama watak:**

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.
- 6.
- 7.

### **Senaraikan latar tempat:**

- 1.
- 2.

### **Senaraikan isi penting:**

- 1.
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.
- 6.

## **Jawapan (Teks moden):**

### **Teks klasik 2**

Setelah dilihat oleh isterinya Seri Rama, yang bernama Sita Dewi, keduanya bertari-tari dan melompat-lompat, maka kata Sita Dewi kepada Seri Rama:

“Ya, tuanku, tangkaplah kijang dua ekor itu akan permainan hamba,”

Maka kata Seri Rama: “Tiada hamba mahu akan dia mati, hanya hamba hendak dengan hidupnya juga,”

Setelah Seri Rama mendengar kata isterinya itu, maka Seri Rama pun segera mengambil panahnya lalu turun dari rumahnya. Maka kata Seri Rama memanggil Laksamana seraya berkata:

“Hai, Laksamana, tinggallah adinda menunggu kakanda Sita Dewi, aku pergi mengikut kijang dua ekor itu,”

Setelah Seri Rama berkata demikian, maka baginda pun berjalanlah. Setelah kijang itu melihat Seri Rama datang mengikut dia, maka kijang itu pun larilah. Maka diikutnya juga oleh Seri Rama.

- **Senarikan nama-nama watak:**
- **Senaraikan latar tempat:**
- **Senaraikan isi penting:**
- **Jawapan (Teks moden):**